Ayat Aktif dan Ayat Pasif

Kopi Buana

Ayat Aktif → Ayah Lidim mengusahakan perniagaan kopi.

Ayat Pasif → Perniagaan kopi diusahakan oleh ayah Lidim.



Dahulu, ayah menggunakan lesung kaki untuk membuat serbuk kopi. Biji kopi pula diambil dari ladang ayah di Muar.

1. Kini, beliau memproses kopi dengan menggunakan mesin.
   Kini, kopi ____ oleh ____ dengan menggunakan mesin.





2. Kopi dihasilkan oleh ayah dengan menggunakan biji kopi yang terbaik sahaja.
   Ayah ____ kopi dengan menggunakan biji kopi yang terbaik sahaja.

3. Ayah Lidim menamai kopi itu Kopi Buana.
   Kopi itu ____

4. Banyak orang menggemari Kopi Buana.
   Kopi Buana ____

5. Kopi Buana dieksport oleh beliau ke Singapura dan ke Indonesia.
   Beliau ____



Ayat aktif mengutamakan pelaku sebagai subjek dan mengandungi kata kerja aktif transitif.
Contoh: Saya membeli Kopi Buana.
Ayat pasif mengutamakan objek dan perbuatannya. Ayat ini mengandungi kata kerja pasif.
Contoh: • Kopi Buana saya beli.
• Kopi itu diminum oleh beliau.

Cerdik Bahasa

- Bimbing murid memahami penggunaan ayat aktif dan ayat pasif.
- Minta murid membina ayat aktif dan ayat pasif.

KBAT: Mengaplikasi – Menghasilkan Strategi PdP: Kontekstual
EMK: Keusahawanan – EK4

Nota Guru 5.3.3

LIVEWORKSHEETS